

01 MAR 2003

Jamaludin-Swasta

SWASTA DIMINTA TINGKATKAN PELABURAN DALAM NEGARA

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Pihak swasta diminta terus membantu kerajaan menjana pertumbuhan ekonomi negara dengan meningkatkan pelaburan langsung dalam negara, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

Ia bagi menghadapi kemungkinan kesan merudum ekonomi global akibat perang yang mungkin berlaku antara Amerika Syarikat dan Iraq, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat serentak cawangan-cawangan Umno bahagian Bukit Bintang di sini.

Ditanya sama ada pakej ransangan ekonomi yang akan diumumkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi, akan memberi tumpuan lebih kepada sektor swasta, beliau berkata sektor swasta sebenarnya adalah penggerak kepada penjana ekonomi di mana-mana negara.

Menurutnya pertumbuhan dalam peratusan pinjaman yang diberikan oleh bank-bank sekarang juga menunjukkan pelaburan domestik sudah bertambah.

Dr Jamaludin berkata pakej ransangan ekonomi itu melihat secara menyeluruh kepada kesan jangka panjang dan jangka sederhana akibat daripada peperangan yang mungkin berlaku di Iraq.

Pakej itu juga melihat kepada bagaimana untuk membuat negara ini terus kompetitif dan dapat bersaing dengan negara-negara jiran seperti Singapura dan Thailand, katanya.

Pakej ransangan ekonomi itu disediakan kerajaan sebagai pelan luar jangka jika berlakunya peperangan antara AS dan Iraq.

Ditanya mengenai kenaikan harga minyak hari ini, Dr Jamaludin berkata kesannya kepada ekonomi negara tidak terlalu serius.

Menurutnya kerajaan akan memastikan harga minyak negara ini sentiasa berdaya saing dan tidak jauh daripada harga pasaran di rantau Asean.

"Kerajaan sudah memberi subsidi yang banyak untuk memastikan harga minyak kita pada kadar yang termurah di dunia," katanya.

Harga petrol dan diesel serta gas petroleum cecair (LPG) naik dua sen seliter dan sekilogram berkuatkuasa hari ini. Kenaikan kali ini adalah yang keempat dalam tempoh dua tiga tahun selepas yang terakhir pada November tahun lepas.

-- BERNAMA

NN MFZ NAK